

06 NOV 1998

Mahathir-strategi

UMNO ATUR LANGKAH PATAHKAN FITNAH

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Umno akan mengatur strategi bagi mematahkan fitnah oleh beberapa pihak tertentu terhadap parti dan tokoh-tokohnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi selama lebih tiga jam di ibu pejabat parti di sini, beliau berkata Umno akan meminta kerjasama media (tempatan) dalam membantu menanganinya.

Ketika ditanya sama ada Umno akan dituduh sebagai menggunakan media tempatan, Dr Mahathir berkata: "Kalau 'press' (akhbar) nak benar dirinya diguna oleh pihak yang melawan Umno, bagilah 'balance' sikit supaya dia juga boleh diguna oleh Umno."

Beliau berkata media antarabangsa sudah menetapkan pendirian mereka sebagai anti-Umno dan kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa untuk menanganinya.

"Jadi sekurang-kurangnya, media tempatan perlulah membuat laporan yang seimbang," katanya.

Dr Mahathir berkata MT juga membincangkan masalah ekonomi yang melanda negara sekarang dan Belanjawan 1999 yang dibentangkannya pada 23 Okt lepas.

Beliau bagaimanapun enggan menghuraikan apa yang dibincangkan berhubung soal ekonomi.

Antara yang hadir ialah dua Naib Presiden iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Hishammuddin Hussein.

-- BERNAMA

TM MAI